KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 25 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KKDW BANTU BELIA JADI USAHAWAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991143/kkdw-bantu-belia-jadi-usahawan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **IN SARAWAK, TEARS OF JOY AS MOTHERS SEE CHILDREN RECEIVE MALAYSIAN CITIZENSHIP** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/24/in-sarawak-tears-of-joy-as-mothers-see-children-receive-malaysian-citizenship/81524 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991268/kdn-selesaikan-946-taraf-kewarganegaraan-di-sarawak | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **WELFARE AID KNOWS NO BOUNDARIES, SAYS MINISTER** | |
| | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/07/24/welfare-aid-knows-no-boundaries-says-minister | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **YGMB SEDIA KOS GUAMAN BAGI MEMBANTU WARGA PENDIDIK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/ygmb-sedia-kos-guaman-bagi-membantu-warga-pendidik/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/ygmb-sedia-bantuan-guaman-sehingga-rm30000-bantu-guru/ | UTUSAN.COM.MY |

25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **ISTERI DERITA KANSER USUS, SUAMI PULA KUDUNG AKIBAT DIABETES** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/isteri-derita-kanser-usus-suami-pula-kudung-akibat-diabetes/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **YAKEB, ADAM JENGUK BEKAS PEMAIN OLIMPIK 1972** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/991270/yakeb-adam-jenguk-bekas-pemain-olimpik-1972 | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SELANGOR JAGA KESELAMATAN, KEBAJIKAN RAKYAT HARUNGI GELORA COVID-19** | |
| | https://selangorkini.my/2023/07/selangor-jaga-keselamatan-kebajikan-rakyat-harungi-gelora-covid-19/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PELUANG MASIH ADA UNTUK ATLET DISERAP KE RTG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/991276/peluang-masih-ada-untuk-atlet-diserap-ke-rtg | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **WANITA SENGSARA 3 TAHUN BERCINTA DENGAN SUAMI ORANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/wanita-sengsara-3-tahun-bercinta-dengan-suami-orang/ | KOSMO.COM.MY |

25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **MURTAD: RAYUAN WANITA CABAR KEPUTUSAN MAHKAMAH SYARIAH DIPUTUSKAN 28 OGOS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991371/murtad-rayuan-wanita-cabar-keputusan-mahkamah-syariah-diputuskan-28-ogos | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/murtad-rayuan-wanita-cabar-keputusan-mahkamah-syariah-diputuskan-pada-28-ogos-429548 | ASTROAWANI.COM |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/07/24/murtad-rayuan-wanita-diputuskan-28-ogos/ | HARAKAHDAILY.Net |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MAHASISWA DIUSIR KERANA VIDEO DAKWA KAMPUNG TIADA WANITA CANTIK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/mahasiswa-diusir-kerana-video-dakwa-kampung-tiada-wanita-cantik/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **DUA WANITA DIDAKWA TIPU PELABURAN UJIAN COVID-19** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/dua-wanita-didakwa-tipu-pelaburan-ujian-covid-19/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1130730/2-wanita-dituduh-perdaya-pelaburan-ujian-covid-19-lebih-rm300000 | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=dl5R_pBKmVo | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=u01Rs8RzHv0 | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-wanita-didakwa-perdaya-pelaburan-ujian-covid19-429496 | ASTROAWANI.COM |

25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA KONGSI CARA SEDIAKAN 'FIRST-AID KIT' VERSI KEDAI RM2** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/wanita-kongsi-cara-sediakan-first-aid-kit-versi-kedai-dua-ringgit/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **KANAK-KANAK MAUT DILANGGAR KETIKA LINTAS JALAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269765/berita/semasa/kanak-kanak-maut-dilanggar-ketika-lintas-jalan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269765/berita/semasa/kanak-kanak-maut-dilanggar-ketika-lintas-jalan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-4-tahun-maut-dilanggar-ketika-lintas-jalan-429453 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991115/budak-lelaki-maut-dirempuh-suv | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/kanak-kanak-lelaki-warga-asing-4-tahun-maut-dilanggar-pacuan-empat-roda/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/24/budak-4-tahun-maut-dirempuh-suv/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/budak-4-tahun-maut-dirempuh-ketika-lintas-jalan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-lelaki-maut-dirempuh-suv/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **LELAKI ASING SIBUK RAKAM, AMBIL GAMBAR KANAK-KANAK MAIN TAMAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/lelaki-asing-sibuk-rakam-ambil-gambar-kanak-kanak-main-taman/ | KOSMO.COM.MY |

25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **PEKERJA KEDAI LANGSIR DIJEL 19 TAHUN, LAPAN SEBATAN ROGOL REMAJA OKU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/pekerja-kedai-langsir-dijel-19-tahun-lapan-sebatan-rogol-remaja-oku/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=yyvPkDLODXo | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/pekerja-kedai-langsir-dipenjara-19-tahun-lapan-sebatan-rogol-remaja-oku/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=cncjihwm0zA | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **WARGA EMAS TINGGAL HONDA CITY SEBELUM TERJUN JAMBATAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/warga-emas-tinggal-honda-city-sebelum-terjun-jambatan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **DUA WARGA EMAS ANTARA TIGA MAUT DALAM KEMALANGAN** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/673040 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269844/berita/semasa/tiga-maut-8-cedera-dalam-nahas-tiga-kenderaan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/67994-tiga-termasuk-dua-warga-emas-maut-kemalangan-babit-tiga-kenderaan | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-maut-8-cedera-dalam-nahas-tiga-kenderaan-429511 | ASTROAWANI.COM |

25/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **MINTA MAKANAN SELEPAS TIGA HARI TERSEPIT DALAM PROTON ISWARA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/24/minta-makanan-selepas-tiga-hari-tersepit-dalam-proton-iswara/ | KOSMO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3 TERMASUK WARGA EMAS MAUT NAHAS 3 KENDERAAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 3 termasuk warga emas maut nahas 3 kenderaan

**Kuantan:** Tiga termasuk dua warga emas maut manakala sembilan lagi cedera dalam kemalangan membabitkan tiga kenderaan di Kilometer 65, Jalan Kuantan-Segamat, Pekan, dekat sini, semalam.

Mangsa yang maut dikenali sebagai Ayub Zakaria, 66; Podziah Daharun, 65, dan Muhammad Azrin Ahmad Nazri, 19. Mereka disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Sembilan lagi mangsa yang mengalami kecederaan menerima rawatan lanjut di Hospital Pekan. Identiti mereka bagaimanapun tidak dikenalpasti.

Ketua Polis Daerah Pekan, Superintenden Mohd Zaidi Mat Zin, berkata berdasarkan laporan, kemalangan jam 11.20 pagi dan membabitkan PERODUA Alza dan Myvi serta Toyota Vios.

"Siasatan awal mendapati kemalangan berlaku ketika PERODUA Alza sedang dalam perjalanan dari arah Segamat menghala ke Kuantan.

"Apabila sampai di tempat kejadian, pemandu kenderaan terbabit dipercayai hilang kawalan lalu terbabas sebelum masuk ke laluan bertentangan dan bertembung dengan PERODUA Myvi.

"Myvi itu kemudian dilanggar pada bahagian sebelah kanan oleh Toyota Vios yang datang dari arah Segamat.

"Kemalangan itu menyebabkan pemandu Vios, Ayub dan penumpang Vios, Podziah serta penumpang Myvi, Muhammad Azrin meninggal dunia di tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Zaidi berkata, siasatan pihaknya mendapati tiga orang menaiki Alza, manakala Myvi pula dinaiki lima orang dan Vios (empat).

"Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata 13 pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Chini dan Pekan dikejarkan ke lokasi kemalangan.

"Anggota bomba menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkan semua mangsa yang tersepit," katanya.




*Anggota bomba menggunakan peralatan khas untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kemalangan di Jalan Kuantan-Segamat, semalam.* (FOTO ihsan Bomba)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANAK DEDAH PERBUATAN PU AZMAN | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Anak dedah perbuatan PU Azman

## Pendedahan ibu mangsa didengar pada hari pertama bicara kes jenayah seksual

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Mahkamah Sesyen di sini yang memulakan hari pertama perbicaraan kes jenayah seksual membabitkan Pencetus Ummah (PU) Azman semalam, mendengar pendedahan ibu seorang mangsa mengenai perlakuan pendakwah selebriti itu terhadap anaknya.

Wanita itu memberi keterangan di hadapan Hakim Datin Surita Budin dengan pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Husni Fairos Ramly dan Goh Hsiao Tung, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir.

PU Azman atau nama sebenarnya, Azman Syah Alias, 43, dihadapkan kali pertama ke mahkamah pada 12 Oktober 2022 atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Dia didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas remaja berusia 16 dan 17 tahun itu dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai, dekat sini, pada 6 Julai 2022.

Saksi ketiga pendakwaan berusia 45 tahun itu, memberitahu dia mendapat tahu mengenai insiden membabitkan PU Azman pada 5 Februari 2022 di rumah penceramah berkenaan di Sendayan selepas dimaklumkan oleh anaknya sendiri yang ketika itu berusia 17 tahun.

"Anak saya cakap dia tak menipu. Dia duduk di ruang tamu kemudian Azman suruh ambil minyak di bilik tingkat atas rumah. Dia minta anak sapukan minyak itu di bahagian kemaluannya (anak) sebelum minta memasukkan kepadanya (Azman)," katanya.

Kata wanita itu lagi, dia mula mengetahui perbuatan tertuduh selepas didedahkan dalam satu pertemuan yang diatur oleh guru sekolah kebangsaan anaknya pada 27 Ogos 2022 di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor yang turut disertai pendakwah bebas, Firdaus Wong.

Azman turut berdepan tujuh lagi pertuduhan di Mahkamah Shah Alam, Klang dan Ampang, berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukannya terhadap dua kanak-kanak dan seorang lagi remaja.

### Tak percaya perbuatan

Sementara itu, bapa kepada seorang mangsa, memberitahu mahkamah, dia pada mulanya tidak percaya tertuduh yang disifatkan sebagai seorang beragama boleh melakukan perbuatan tidak bermoral itu.



PU Azman tiba di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.
(Foto Azrul Edham/BH)

Saksi kedua berusia 54 tahun itu, berkata anak keduanya iaitu remaja lelaki berusia 18 tahun, mengenali tertuduh sejak bersekolah rendah Tahun 6 selepas mengikuti kem motivasi dikendalikan PU Azman

"Saya tahu mereka rapat dan ada berhubung, tapi tidak pasti sejauh mana. Kali pertama saya jumpa PU Azman ketika saya bersama isteri dan tiga anak lain hantar anak lelaki (mangsa) ke rumahnya di Sendayan pada 5 Februari 2022.

"Dia (mangsa) sendiri minta hantar ke sana sebab jauh dari rumah kami di Klang," kata juruteknik sebuah kilang di Klang, Selangor itu sambil menambah, dia tidak mengesyaki apa-apa selepas menghantar anak lelakinya bermalam di rumah PU Azman.

Katanya, dia sempat meminta pendakwah itu supaya menasihati dan membimbing anaknya mengenai agama, terutama berkaitan solat.

Saksi itu memberitahu mahkamah, dia hanya tahu anaknya menjadi mangsa ketika hadir pertemuan dengan seorang wanita yang juga guru agama sekolah rendah anaknya di sebuah hotel di Shah Alam pada 27 Ogos 2022.

"Isteri saya yang kenal ustazah itu. Ustazah memberitahu anak saya telah menjadi mangsa PU Azman, anaknya juga menjadi mangsa. Saya terkejut, marah, tak sangka dia sanggup buat perkara yang dilarang.

"Saya hanya tahu perkara ini daripada ustazah, anak tidak bercakap atau beritahu perkara ini," katanya memaklumkan pertemuan di hotel itu dihadiri sembilan individu, termasuk isteri dan anak lelakinya, ustazah terbabit serta beberapa lagi individu tidak dikenalinya.

Disoal Husni Fairos sama ada dia percaya anaknya menjadi mangsa kes amang seksual, bapa empat anak itu, mengakui tidak percaya dengan mengambil kira tertuduh bergelar 'ustaz' tidak akan melakukan maksiat.

"Ustaz akan mendidik anak bangsa menjadi ummah yang baik. Sebelum ini saya tidak khuatir hantar anak bermalam di rumah PU Azman. Anak berubah menjadi tertekan pada akhir tahun lalu serta menyatakan hasrat mahu berhenti sekolah," katanya.

Difahamkan, seramai 26 saksi dijangka dipanggil sepanjang perbicaraan kes yang ditetapkan sehingga 28 Julai.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | APLIKASI DOCTOR ANYWHERE SEDIA TELE-KAUNSELING PERCUMA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Aplikasi Doctor Anywhere sedia tele-kaunseling percuma

**Petaling Jaya:** Seringkali kita mendengar mengenai masalah kesihatan mental, namun sebenarnya masih ramai yang tidak mengetahui mengenai isu berkenaan.

Apa yang lebih membimbangkan, terdapat individu terutama kanak-kanak dan remaja tidak mengetahui saluran sebenar untuk mendapatkan pertolongan bagi permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Ada juga situasi mereka yang menghidapi masalah kesihatan mental ini tidak sedar mengalami tanda berkaitan masalah itu pada diri dengan menganggap rasa sedih berpanjangan yang dialami itu hanya satu perasaan biasa dan turut dialami orang normal lain.

Berikutan masalah yang dialami itu, platform penjagaan kesihatan digital, Doctor Anywhere menyediakan perkhidmatan tele-kaunseling secara percuma kepada rakyat di negara ini.



*Edward Ling (tiga dari kiri) bersama Hannah (tiga dari kanan) dan Kelvin (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran 'Memperkasakan Minda untuk Masa Hadapan,' baru-baru ini.* (Foto Amirudin Sahib/BH)

Menerusi aplikasi yang disediakan, orang ramai yang ingin mendapatkan khidmat kaunseling boleh memilih bahasa dan pakar kaunseling serta ahli psikologi klinikal mengikut kesesuaian individu berkenaan.

Pengurusnya, Edward Ling, berkata jumlah individu yang mengalami masalah mental di negara ini begitu membimbangkan dan kebanyakan mereka malu untuk tampil mendapatkan bantuan.

Katanya, apa yang lebih membimbangkan kebanyakan individu yang mengalami masalah kesihatan mental itu berada dalam kalangan B40 dan tidak mempunyai wang mencukupi untuk mendapatkan bantuan profesional.

"Dengan aplikasi 'Doctor Anywhere' ini, kita biayai perbelanjaan rakyat Malaysia yang ingin dapatkan khidmat pakar kaunseling mahupun psikologi klinikal.

"Kami tidak mahu isu kewangan menjadi halangan kepada mereka untuk mendapatkan bantuan, diharapkan dengan adanya aplikasi ini ia dapat membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengutamakan kesejahteraan mental mereka," katanya pada Majlis Pelancaran 'Memperkasakan Minda untuk Masa Hadapan', baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii.

Aplikasi itu turut menerima tajaan daripada FWD Takaful sebanyak RM2 juta bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat bantuan kaunseling daripada golongan profesional.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIDAKWA UBAH WANG HARAM RM3.7 JUTA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Didakwa ubah wang haram RM3.7 juta

**Muar:** Seorang peniaga jualan langsung didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan terbabit dalam pengubahan wang haram serta menipu pelaburan perbankan yang tidak wujud, bernilai keseluruhan melebihi RM3.7 juta sejak tiga tahun lalu.

Cheah Piau Yee, 36, mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan, sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Daripada empat pertuduhan, tiga daripadanya membabitkan pengubahan wang haram bernilai RM810,494, manakala satu lagi pertuduhan ialah penipuan pelaburan RM2,894,731 juta.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa melupuskan RM120,000, iaitu hasil aktiviti haram daripada akaun simpanan milik suaminya, Goh Han Yong, 37, di Malayan Banking, Jalan Abdullah di sini, antara 17 dan 23 Februari 2021.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, dia didakwa melakukan aktiviti sama di RHB Bank, Jalan Abdullah dengan masing-masing melupuskan sejumlah RM66,000 dan RM624,494 juga daripada akaun atas nama suaminya di antara 22 Februari hingga 21 Jun 2021.

Mahkamah kemudian mengenakan ikat jamin sebanyak RM50,000 bagi kes AMLA-TFPUAA, manakala RM30,000 untuk penipuan pelaburan melalui seorang penjamin.

Tertuduh juga diarahkan menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di balai polis sekitar Kuala Lumpur memandangkan tertuduh menetap di sana bersama kakaknya.

Pada masa sama, mahkamah menetapkan 27 September sebutan semula kes serta penyerahan dokumen.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JENTIKAN 'STRIKER' KAROM SITI SARAH GERUNKAN LAWAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Jentikan 'striker' karom Siti Sarah gerunkan lawan



*Siti Sarah bersama abangnya, Muhammad Muaz sentiasa berlatih karom bersama bagi mengasah kemahiran.* (Foto Syaherah Mustafa/BH)

## Kemahiran anak kelahiran Kelantan sering jadi juara hampir semua kejohanan

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

**Pasir Mas:** Gelagat gadis yang lincah, menjentik 'striker' karom ini, bukan sahaja menarik perhatian, malah menggerunkan pihak lawannya.

Siti Sarah Rosaly, 18, nama yang tidak asing lagi dalam kalangan peminat permainan karom di Kelantan yang tidak perah ketinggalan setiap kejohanan diadakan.

Kemahiran bermain karom bagi anak keenam daripada lapan beradik itu, membolehkan dia mendapat tempat johan atau naib johan, hampir semua pertandingan disertainya.

Di negeri Che Siti Wan Kembang, permainan karom biasanya menjadi pilihan lelaki, jadi tidak hairanlah jika hanya ada Siti Sarah wakil tunggal wanita dalam sesebuah kejohanan.

Bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat Siti Sarah untuk terus aktif dalam permainan karom yang sudah menjadi sebahagian daripada hidupnya.

"Saya *mula berjinak-jinak* dengan permainan ini sejak berusia lapan tahun, kerana arwah ayah, Rosaly Abu Bakar, juga aktif menyertai kejohanan karom ketika hayatnya masih ada.

"Sebenarnya, selain saya, enam lagi adik-beradik lain turut aktif dengan permainan karom hasil tunjuk ajar ayah dan kini kami adik-beradik menjadi pemain karom di bawah tajaan Kelab Karom Tiara Putra yang bertapak di Klang, Selangor.

"Hampir setiap minggu saya akan menyertai kejohanan di Kelantan atau di luar seperti di *Pulau Pinang, Pahang, Johor,* malah sehingga ke Sabah dan Sarawak," katanya ditemui di rumahnya di Kampung Kubang Panjang, di sini.



*Siti Sarah menunjukkan sebahagian piala yang dimenanginya.*

### Berlatih tiga jam sehari

Siti Sarah berkata, dia mengambil masa dua atau tiga jam sehari berlatih bagi mengasah kemahiran, selain mengatur strategi terbaik sebelum menyertai kejohanan.

"Terdapat dua kategori, iaitu perseorangan dan berpasangan. Biasanya jika berpasangan, saya akan bergandingan dengan abang, Muhammad Muaz Rosalyn, 21.

"Muhammad Muaz kini menyambung pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, jadi jika dia tiada, saya akan bergandingan dengan peserta lain dari kelab sama.

"Namun, saya mengakui keserasian lebih banyak apabila bersama adik-beradik kerana sering berlatih bersama, sekali gus membentuk kesefahaman lebih baik," katanya yang turut mendapat sokongan penuh ibunya, Salina Harun, 53.

Menurut Siti Sarah, bermain karom tidak memerlukan kekuatan fizikal, tetapi mental perlu kuat dalam memberi fokus serta ketelitian sepanjang pertandingan berlangsung.

Jelasnya, setiap peluang jentikan dalam permainan karom perlu digunakan sebaiknya, justeru strategi dan kelajuan tolakan 'striker' turut memainkan peranan penting.

"Setiap kejohanan peserta membawa 'striker' sendiri, begitu juga dengan saya yang setia menggunakan 'striker' sama sejak lapan tahun lalu.

"Tiada apa-apa kelebihan 'striker' ini, sekadar rasa selesa menggunakan kerana turut digunakan sepanjang latihan.

"Pemain perlu berdisiplin, termasuk tahu menjaga emosi serta tidak mengganggu pihak lawan sepanjang pertandingan.

"Biasanya, saya akan berjumpa dengan peserta wanita jika menyertai kejohanan di luar Kelantan, tidak seramai lelaki, tetapi masing-masing tetap menunjukkan persembahan terbaik dan saling berkongsi ilmu permainan ini," katanya.

Kehebatan Siti Sarah dalam permainan karom memberi rezeki apabila ditawarkan kerja oleh beberapa agensi yang berminat dengan kemahiran anak gadis itu kerana banyak kejohanan pada peringkat kebangsaan biasanya disertai wakil syarikat, jabatan atau agensi seluruh negara.

"Sekarang saya belum membuat sebarang keputusan, selain ingin memastikan jabatan atau agensi itu beri kebenaran saya melanjutkan pelajaran separuh masa.

"Besar juga harapan saya mewakili peserta muda lain agar permainan karom ini diiktiraf dan dijadikan antara kejohanan wajib pada peringkat sekolah atau universiti, sekali gus mampu menarik minat generasi muda," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEKERJA KEDAI LANGSIR MENGAKU ROGOL REMAJA OKU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Asmirul Shaqirin dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam.*
(Foto Alias Abd Rani/BH)

# Pekerja kedai langsir mengaku rogol remaja OKU

**Muar:** "Dia (mangsa) minta tolong, tapi kamu tidak layan, kenapa sampai tergamak kamu memperlakukan sedemikian terhadapnya? Tidakkah ada simpati ke atasnya?"

Itu kata Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara 19 tahun serta lapan sebatan terhadap seorang pekerja kedai langsir yang mengaku bersalah merogol remaja orang kurang upaya (OKU) dalam sebuah kereta di Kluang, awal bulan ini.

Tertuduh, Asmirul Shaqirin Sazali, 27, bukan sahaja merogol, malah turut mengaku meliwat dan melakukan amang seksual terhadap remaja berusia 13 tahun.

Dia berhadapan tiga pertuduhan membuat pengakuan bersalah pada 16 Julai lalu, namun mengulangi pengakuan sama sebaik semua pertuduhan dibaca sekali lagi oleh jurubahasa di mahkamah semalam.

Semua kejadian itu dilaporkan di hadapan sebuah kedai makan, antara jam 8 hingga 9.30 malam, 8 Julai lalu dan didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (2) (d) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan juga sebatan.

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan manakala Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Abu Bakar kemudian menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun, lima sebatan bagi kesalahan merogol, enam tahun penjara dan dua sebatan (meliwat) serta tiga tahun penjara dan satu sebatan (amang seksual fizikal).

Mahkamah juga mengarahkan hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan dijalankan secara berasingan bermula dari tarikh tertuduh ditahan 9 Julai lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'USTAZ TAK AKAN LAKUKAN MAKSIAT' | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



PU Azman hadir untuk perbicaraan di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

PERBICARAAN PU AZMAN

# 'Ustaz tak akan lakukan maksiat'

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Bapa seorang mangsa kes amang seksual membabitkan penceramah selebriti PU Azman memberitahu mahkamah dia tidak percaya tertuduh yang disifatkan sebagai beragama akan melakukan perbuatan tidak bermoral itu.

Saksi kedua berusia 54 tahun itu memaklumkan perkara berkenaan di hadapan Hakim Datin Surita Budin pada prosiding hari pertama kes perbicaraan penceramah terbabit di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Lelaki itu berkata, anak keduanya yang juga remaja lelaki berusia 18 tahun mengenali tertuduh sejak sekolah rendah selepas mengikuti kem motivasi dikendalikan PU Azman atau nama sebenarnya Azman Syah Alias, 42.

"Anak saya mengenali PU Azman sejak darjah enam lagi. Saya tahu mereka rapat dan ada berhubung tetapi tidak pasti sejauh mana.

"Kali pertama saya jumpa PU Azman ketika menghantar anak lelaki ke rumahnya di Sendayan pada 5 Februari 2022 bersama isteri dan tiga anak yang lain. Dia (mangsa) sendiri minta hantar ke sana sebab jauh dari rumah kami di Klang," katanya.

Menurutnya, dia tidak mengesyaki apa-apa selepas menghantar anak lelakinya bermalam di kediaman PU Azman, namun sempat meminta penceramah itu menasihati dan membimbing anaknya mengenai agama terutama berkaitan solat.

> *Ustaz akan mendidik anak bangsa menjadi ummah yang baik. Sebelum ini saya tidak khuatir hantar anak bermalam di rumah PU Azman"*
>
> **Bapa mangsa**

Katanya, dia mengetahui anaknya menjadi mangsa perbuatan amang seksual PU Azman dalam pertemuan bersama wanita yang juga ustazah sekolah rendah mangsa di hotel di Shah Alam, Selangor pada 27 Ogos 2022.

"Ustazah memberitahu anak saya menjadi mangsa PU Azman, anaknya juga menjadi mangsa. Isteri yang kenal ustazah sebelum ini.

"Saya terkejut, marah tak sangka dia (tertuduh) sanggup buat perkara yang dilarang. Saya hanya tahu perkara ini daripada ustazah, anak tidak bercakap atau beritahu perkara ini," katanya.

Pertemuan di hotel itu dihadiri sembilan individu termasuk saksi kedua bersama isteri dan anak lelaki serta ustazah dan beberapa individu tidak dikenali.

Ketika disoal Timbalan Pendakwa Raya Husni Fairos Ramly adakah dia percaya anaknya menjadi mangsa kes amang seksual, bapa kepada empat anak itu mengakui tidak percaya dengan mengambil kira tertuduh seorang bergelar 'ustaz' tidak akan melakukan maksiat.

"Ustaz akan mendidik anak bangsa menjadi ummah yang baik. Sebelum ini saya tidak khuatir hantar anak bermalam di rumah PU Azman," katanya yang memberitahu anaknya berubah menjadi tertekan akhir tahun lalu serta menyatakan hasrat mahu berhenti sekolah.

Selain Husni Fairos, pihak pendakwaan dikendali Timbalan Pendakwa Raya Goh Hsiao Tung manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir.

Saksi kedua itu berkata, dia menemani anak lelakinya membuat laporan polis pada 31 Ogos 2022 di Shah Alam atas persetujuan mangsa sendiri.

Terdahulu, saksi pertama jurufoto dari Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Negeri Sembilan Lans Koperal Mohd Nor Arif Mohd, 38, memberi keterangan dan mengemukakan gambar tempat kejadian dan barang rampasan dirakam iaitu permaidani dan satu botol.

Difahamkan, 26 saksi dijangka dipanggil sepanjang perbicaraan yang bermula semalam dan dijadualkan berlangsung sehingga 28 Julai.

Media pada 12 Oktober 2022 melaporkan PU Azman didakwa atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau.

Kesalahan itu dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan, Nilai pada 6 Julai tahun lalu.

## 'Anak saya cakap dia tak menipu'

**Seremban:** Saksi ketiga perbicaraan kes amang seksual membabitkan PU Azman memaklumkan kepada mahkamah bahawa penceramah selebriti itu meminta anaknya melumurkan minyak pada alat sulit remaja terbabit.

Wanita berkenaan yang juga ibu seorang mangsa memaklumkan perkara itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin pada hari pertama perbicaraan di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Saksi berusia 45 tahun memaklumkan perkara itu diketahuinya selepas diceritakan anaknya.

Menurutnya, kejadian berlaku pada 5 Februari 2022 di rumah penceramah atau nama sebenarnya Azman Syah Alias, 43, di Sendayan, di sini yang ketika itu mangsa berusia 17 tahun.

"Anak saya cakap dia tak menipu. Dia duduk di ruang tamu kemudian Azman suruh ambil minyak di bilik tingkat atas rumah.

"Dia minta sapu minyak itu di bahagian kemaluannya sebelum minta memasukkan kepadanya (PU Azman)," katanya.

Menurutnya, dia mula mengetahui perbuatan sumbang tertuduh selepas didedahkan dalam satu pertemuan diaturkan guru sekolah kebangsaan anaknya pada 27 Ogos 2022.

> *Anak saya kata nak pergi rumah Azman saja-saja. Dalam perbualan WhatsApp dia nak jadikan anak saya sebagai anak angkat"*
>
> **Ibu mangsa**

Katanya, pendakwah bebas Firdaus Wong turut serta dalam pertemuaan di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor.

Wanita itu memaklumkan menerusi perbualan di aplikasi WhatsApp antara mangsa dengan PU Azman, penceramah itu mahu menjadikan anaknya sebagai anak angkat

"Anak saya kata nak pergi rumah Azman saja-saja. Dalam perbualan WhatsApp dia nak jadikan anak saya sebagai anak angkat.

"Mulanya saya tidak percaya sebab Azman seorang selebriti, tetapi anak saya yakinkan untuk pergi ke rumah Azman," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 9,000 PENDUDUK TANPA DOKUMEN SAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 9,000 penduduk tanpa dokumen sah

**Kuching:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi tumpuan untuk menyelesaikan isu penduduk tanpa dokumen sah di negeri ini yang kini berjumlah lebih 9,000 orang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, daripada jumlah berkenaan , seramai 3,756 individu didapati tiada dokumen di mana kebanyakan membabitkan penduduk yang tinggal jauh di pedalaman.

Menurutnya, selebihnya memiliki sijil lahir, tetapi status belum ditentukan, memiliki sijil lahir, tetapi bukan warganegara serta pemegang kad pengenalan hijau.

**Seramai 3,756 individu didapati tiada dokumen**

"Isu itu akan ditangani sepenuhnya pasukan petugas khas yang dibentuk KDN bersama Jabatan Premier Sarawak.

"Saya percaya dengan kerjasama berkenaan , isu dokumen pengenalan diri dapat diatasi segera kerana kita sudah tahu di mana keberadaan mereka yang menghadapi masalah berdasarkan maklumat pangkalan data di Jabatan Premier Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Surat Keputusan Kewarganegaraan Peringkat Negeri Sarawak di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya di sini, semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PEKERJA KEDAI LANGSIR ROGOL REMAJA OKU DIJEL 19 TAHUN, 8 SEBATAN | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 25 JUL 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Pekerja kedai langsir rogol remaja OKU dijel 19 tahun, 8 sebatan

**Muar:** "Dia (mangsa) minta tolong tapi kamu tidak layan, kenapa sampai tergamak kamu memperlakukan sedemikian terhadapnya? Tidakkah ada simpati ke atasnya?"

Itu kata Hakim Mahkamah Sesyen, Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara 19 tahun serta lapan sebatan terhadap seorang pekerja kedai langsir yang mengaku bersalah merogol remaja orang kurang upaya (OKU) dalam sebuah kereta di Kluang, awal bulan ini.

Tertuduh, Asmirul Shaqirin Sazali, 27, bukan sahaja merogol, malah turut mengaku meliwat dan melakukan amang seksual terhadap remaja berusia 13 tahun.

Dia berhadapan tiga pertuduhan membuat pengakuan bersalah pada 16 Julai lalu namun mengulangi pengakuan sama sebaik semua pertuduhan dibaca sekali lagi oleh jurubahasa di mahkamah, semalam.

Semua kejadian itu dilaporkan berlaku di hadapan sebuah kedai makan, antara jam 8 hingga 9.30 malam, 8 Julai lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (2) (d) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan juga sebatan.

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan manakala Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Abu Bakar kemudian menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun, lima sebatan bagi kesalahan merogol; enam tahun penjara dan dua sebatan (meliwat) serta tiga tahun penjara dan satu sebatan (amang seksual fizikal).

Mahkamah juga mengarahkan hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan dijalankan secara berasingan bermula dari tarikh tertuduh ditahan 9 Julai lalu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



ASMIRUL Shaqirin dibawa keluar selepas Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara 19 tahun dan sebatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENIAGA JUALAN LANGSUNG NAFI TERBABIT TIPU PELABURAN RM3.7 JUTA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Peniaga jualan langsung nafi terbabit tipu pelaburan RM3.7 juta

**Muar:** Seorang peniaga jualan langsung mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram serta menipu pelaburan perbankan tidak wujud bernilai keseluruhan melebihi RM3.7 juta sejak tiga tahun lalu.

Tertuduh Cheah Piau Yee, 36, berhadapan empat pertuduhan membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Daripada empat pertuduhan, tiga daripadanya membabitkan pengubahan wang haram bernilai RM810,494 manakala satu lagi pertuduhan ialah penipuan pelaburan RM2,894,731 juta.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa melupuskan wang berjumlah RM120,000 yang juga hasil aktiviti haram daripada akaun simpanan milik suaminya, Goh Han Yong, 37, di Malayan Banking, Jalan Abdullah di sini, antara 17 dan 23 Februari 2021.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, dia didakwa melakukan aktiviti sama di RHB Bank, Jalan Abdullah dengan masing-masing melupuskan sejumlah RM66,000 dan RM624,494 juga daripada akaun atas nama suaminya antara 22 Februari hingga 21 Jun 2021.

Semua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 41(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4 (1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara hingga 15 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta yang mana lebih tinggi.

Selain itu, satu lagi pertuduhan membabitkan penipuan pelaburan yang menyebabkan mangsa berusia 48 tahun menanggung kerugian RM2,894,731.

Tertuduh didakwa memperdaya mangsa supaya membuat pelaburan RHB Investment sedangkan ia tidak wujud.

Justeru dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara sehingga 10 tahun, sebatan serta boleh dikenakan denda.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Amanina Wan Din dan Nur Sulehan Abd Rahman sementara tertuduh diwakili J Kuldeep Kumar.

Mahkamah mengenakan ikat jamin RM50,000 bagi kes AMLATFPUAA manakala RM30,000 untuk penipuan pelaburan melalui seorang penjamin.



CHEAH dibawa keluar mahkamah selepas mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan. - Gambar NSTP/ ALIAS ABD RANI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SAFIEY KEMUKA BANTAHAN AWAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




SAFIEY hadir di Mahkamah Sesyen Ampang bagi perbicaraan empat tuduhan termasuk amang seksual bukan fizikal terhadap dua remaja lelaki melalui aplikasi Instagram. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

# Safiey kemuka bantahan awal

## *Pasukan pembelaan dakwa 2 pertuduhan cacat*

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Ampang**

Pasukan pembelaan yang mewakili Safiey Ilias menegaskan lelaki itu disabitkan atas pertuduhan cacat dan pihaknya mengemukakan bantahan awal terhadap dua daripada empat pertuduhan yang dihadapi usahawan kosmetik itu.

Bantahan awal secara lisan itu dikemukakan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam di hadapan Hakim Norhazani Hamzah.

Dalam hujahannya, peguam, Harjeet Singh Sidhu berkata, kedua pertuduhan mengikut Seksyen 11(1)(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu cacat kerana tidak menjelaskan butiran komunikasi seksual yang didakwa berlaku antara tertuduh dengan kedua-dua remaja berkenaan.

Katanya, ketiadaan butiran khusus itu menyukarkan pihaknya menyoal balas saksi dan menyediakan pembelaan kelak kerana perkataan 'berkomunikasi secara seksual' digunakan hanya secara am.

**Safiey didakwa atas dua pertuduhan berkomunikasi secara seksual melalui Instagram dengan 2 remaja lelaki**

Selain itu, Harjeet berkata, pihak pendakwaan juga belum menyerahkan rakaman sidang video secara langsung di Instagram serta rakaman daripada Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) yang diambil daripada kedua-dua remaja berkenaan.

Sehubungan itu, beliau memohon pihak pembelaan diberi masa untuk mengemukakan penghujahan bertulis berhubung isu yang dibangkitkan.

"Pihak pembelaan mahu mahkamah mengeluarkan perintah terhadap isu yang dibangkitkan sebelum perbicaraan bermula hari ini (semalam)," katanya.

Hakim Norhazani bagaimanapun mempersoal mengapa bantahan awal itu tidak dikemukakan ketika pengurusan kes sebelum ini.

Mahkamah kemudian menetapkan 7 Ogos ini bagi kedua-dua pihak memfailkan penghujahan bertulis dan pendengaran bantahan awal pada 16 Ogos, manakala keputusan pula ditetapkan pada 24 Ogos.

Norhazani turut menetapkan tarikh perbicaraan baharu pada 4, 5 dan 11 September serta 2 Oktober ini.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Nurfadzlin Mahmad Zulhasnan berkata, isu berhubung bantahan awal itu tidak dibangkitkan sebelum ini dan pihaknya juga tidak menerima notis bahawa ia akan dikemukakan ketika prosiding perbicaraan semalam.

Oleh yang demikian, beliau memohon masa untuk mendapat arahan daripada Pengarah Pendakwaan Selangor dan menjawab bantahan awal itu.

Safiey atau nama sebenarnya Mohd Safiuddin Ilias, 29, didakwa atas dua pertuduhan berkomunikasi secara seksual melalui platform Instagram dengan dua remaja lelaki yang ketika itu berusia 14 tahun.

Usahawan yang popular dengar lagu Syinta Gila turut didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal iaitu menggoyang-goyangkan payudara di hadapan dua remaja sama bagi maksud seksual.

Safiey didakwa melakukan kesemua perbuatan itu di sebuah rumah di Bandar Baru Bangi, jam 9 pagi pada 9 Jun 2021.

Bagi kesemua pertuduhan itu, Safiey didakwa mengikut Seksyen 11(1)(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Seksyen itu membawa hukuman maksimum penjara tiga tahun dan Seksyen 15 (a)(i) yang membawa hukuman maksimum penjara 10 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI ISTERI DIREMAN TIGA HARI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SALAH GUNA KUASA

# *Suami isteri direman tiga hari*

**Kuala Terengganu:** Suami isteri direman selama tiga hari sehingga esok bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa bagi mendapatkan perolehan kerja di sebuah jabatan kerajaan di negeri ini.

Perintah reman bermula semalam terhadap penjawat awam berusia 30-an dan isterinya berusia 40-an dikeluarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Penahanan kedua-dua suspek itu dibuat bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 23 (1)Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Penjawat awam itu disyaki menyalahgunakan jawatannya dengan mengesyorkan syarikat milik ibu bapanya yang diuruskan oleh isterinya bagi mendapatkan perolehan kerja di sebuah jabatan kerajaan di Terengganu.

Kejadian dipercayai berlaku sejak 2019 membabitkan perolehan kerja yang mencecah nilai ratusan ribu ringgit.

> Suspek disyaki menyalahgunakan jawatannya dengan mengesyorkan syarikat milik ibu bapanya yang diuruskan oleh isterinya bagi mendapatkan perolehan kerja di sebuah jabatan kerajaan di Terengganu

Terdahulu, suspek lelaki ditahan kira-kira jam 6 petang kelmarin selepas isterinya ditahan ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM pada jam 3.30 petang hari yang sama.

Susulan penahanan itu, SPRM merampas beberapa kenderaan mewah milik pasangan berkenaan dipercayai berkaitan dengan kes yang disiasat membabitkan rampasan bernilai lebih RM100,000.




PASANGAN suami isteri direman selama tiga hari sehingga esok bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK MENGAKU TIPU RM337K | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



DUA wanita didakwa atas pertuduhan memperdayakan seorang lelaki untuk menyertai satu pelaburan sehingga menyebabkan mangsa mengalami kerugian lebih RM300,000 dua tahun lalu. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

# Tak mengaku tipu RM337k

*2 wanita didakwa perdaya seorang lelaki sertai pelaburan ujian Covid-19 sehingga kerugian*

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Dua wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan memperdayakan seorang lelaki untuk menyertai satu pelaburan sehingga menyebabkan mangsa mengalami kerugian lebih RM300,000.

Tertuduh, Pang Mui Fong, 49, dan Chua Fui Lee, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Syed Farid Syed Ali selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama-sama didapati dengan curangnya menipu seorang lelaki berusia 50 tahun dengan memperdayakan mangsa untuk menyertai pelaburan ujian Covid-19.

Mereka didakwa mendorong mangsa membuat 17 transaksi pembayaran berjumlah RM337,000 bagi urusan itu yang mana lelaki terbabit tidak akan menyerahkan wang sekiranya tidak diperdayakan.

**Mahkamah menetapkan 24 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes**

Kesalahan didakwa dilakukan dari 17 Disember 2021 hingga 20 April 2022 di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan serta dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih 10 tahun dan dengan sebat serta denda.

Mahkamah kemudian memutuskan wang jaminan sebanyak RM6,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin dan menetapkan 24 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IN THE AGE OF AI, WOMEN BATTLE RISE OF DEEPFAKE PORN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 25 JUL 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

EXPLOITATION

# In the age of AI, women battle rise of deepfake porn

**ANUJ CHOPRA AND PHIL HAZLEWOOD**

PHOTO apps digitally undressing women, sexualised text-to-image prompts creating "AI girls" and manipulated images fuelling sextortion rackets — a boom in deepfake porn is outpacing United States and European efforts to regulate the technology.

Artificial intelligence-enabled deepfakes are typically associated with fake viral images of well-known personalities, such as Pope Francis in a puffer coat or former United States president Donald Trump under arrest, but experts say they are more widely used for generating non-consensual porn that can destroy lives.

Women are a particular target of AI tools and apps, widely available for free and requiring no technical expertise, that allow users to digitally strip off clothing from their pictures, or insert their faces into sexually explicit videos.

"The rise of AI-generated porn and deepfake porn normalises the use of a woman's image or likeness without her consent," Sophie Maddocks, a researcher at the University of Pennsylvania tracking image-based sexual abuse, said.

"What message do we send about consent as a society when you can virtually strip any woman?"




*This photo illustration created on July 18 in Washington, DC, shows an advertisement to create AI girls reflected in a public service announcement issued by the FBI regarding malicious actors manipulating photos and videos to create explicit content and sextortion schemes.* AFP PIC

In a tearful video, an American Twitch streamer who goes by QTCinderella lamented the "constant exploitation and objectification" of women as she became the victim of deepfake porn.

She was harassed, she added, by people sending her copies of the deepfakes depicting her.

The scandal erupted in January during a livestream by fellow streamer Brandon Ewing, who was caught looking at a website that contained deepfaked sexual images of several women, including QTCinderella.

"It's not as simple as 'just' being violated. It's so much more than that," she wrote on Twitter, adding that the experience had "ruined" her.

The proliferation of online deepfakes underscores the threat of AI-enabled disinformation, which can damage reputations and lead to bullying or harassment.

While celebrities, such as singer Taylor Swift and actress Emma Watson have been victims of deepfake porn, women not in the public eye are also targeted.

American and European media are filled with first-hand testimonies of women, from academics to activists, who were shocked to discover their faces in deepfake porn.

Ninety-six per cent of deepfake videos online are non-consensual pornography, and most of them depict women, said a 2019 study by the Dutch AI company Sensity.

"The previously private act of sexual fantasy, which takes place inside someone's mind, is now transferred to technology and content creators in the real world," Roberta Duffield, director of intelligence at Blackbird.AI, told AFP.

"The ease of access and lack of oversight, alongside the growing professionalisation of the industry, entrenches these technologies into new forms of exploiting and diminishing women."

Among a new crop of text-to-art generators are free apps that can create "hyper-real AI girls", which are avatars from real photos, customising them with prompts such as "dark skin" and "thigh strap".

New technologies such as Stable Diffusion, an open-source AI model developed by Stability AI, have made it possible to conjure up realistic images from text descriptions.

The tech advancements have given rise to what Duffield called an "expanding cottage industry" around AI-enhanced porn, with many deepfake creators taking paid requests to generate content featuring a person of the customer's choice.

Last month, the FBI issued a warning about sextortion schemes, in which fraudsters capture photos and videos from social media to create "sexually themed" deepfakes that are then used to extort money.

The victims, the FBI added, included minor children and non-consenting adults.

The proliferation of AI tools has outstripped regulation.

